



PANDUAN MENGGUNAKAN KUPON LETAK KERETA MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN


STEP 1: Kenal pasti jenis / warna petak letak kereta di tempat anda meletak kenderaan untuk mengetahui kadar caj yang telah ditetapkan.

| | |
|-----------------------------|---------------------|
| Petak Letak Kereta Hijau : | RM2.00 setiap ½ jam |
| Petak Letak Kereta Merah : | RM1.00 setiap ½ jam |
| Petak Letak Kereta Kuning : | RM0.50 setiap 1 jam |

STEP 2: Tentukan tempoh masa yang anda perlukan untuk meletak kenderaan.

STEP 3: Sediakan kupon yang mencukupi nilai / kadar caj yang sepatutnya dibayar.

STEP 4: Gores untuk menandakan tahun, bulan, hari, jam dan minit.



1 GORES SEPENUHNYA UNTUK MENUNJUKKAN "TAHUN"

2 GORES SEPENUHNYA UNTUK MENUNJUKKAN "BULAN"

3 GORES SEPENUHNYA UNTUK MENUNJUKKAN "HARI"

4 GORES SEPENUHNYA UNTUK MENUNJUKKAN "JAM"

5 GORES SEPENUHNYA UNTUK MENUNJUKKAN "MINIT"

STEP 5: Pamerkan di papan pemuka (dashboard) kenderaan anda.



Pastikan kupon dapat dilihat dengan jelas oleh Pegawai Majlis yang membuat pemeriksaan.

CONTOH (1) : Cara menentukan jenis kupon yang hendak digunakan

Jika anda meletak kenderaan di petak warna **MERAH** untuk tempoh 1 jam

JUMLAH CAJ = RM2.00



CONTOH (2) : Cara menentukan jenis kupon yang hendak digunakan

Jika anda meletak kenderaan di petak warna **HIJAU** untuk tempoh 1 jam menggunakan pelbagai jenis kupon

JUMLAH CAJ = RM4.00



Jika menggunakan dua (2) atau lebih kupon (sama ada senilai atau berlainan nilai), anda hendaklah **MENGGORES TAHUN, BULAN, HARI, JAM DAN MINIT YANG SAMA PADA KESEMUA KUPON.**

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DIKETAHUI OLEH PARA PENGGUNA

KUPON LETAK KERETA

1. Terdapat tiga (3) jenis Kupon Letak Kereta yang masing-masing bernilai RM2.00/kupon, RM1.00/kupon dan RM0.50/kupon. Kupon-kupon ini **boleh digunakan di kesemua jenis petak letak kereta.**
2. Pengguna **boleh menggunakan beberapa jenis kupon (berlainan nilai)** untuk mencukupkan nilai kadar caj tempat letak kereta.
3. Pengguna **boleh berpindah-pindah petak letak kereta** selagi nilai kupon masih mencukupi dan tempoh masa pada hari yang sama belum berakhir.
4. Pengguna **boleh bertukar-tukar kenderaan** selagi nilai kupon mencukupi dan tempoh masa pada hari yang sama belum berakhir.
5. Warna kupon **tidak ada kena mengena dengan warna petak letak kereta.**
6. Pengguna yang membeli kupon bernilai **RM30.00 dalam satu resit** layak untuk mendapat **pengampunan surcaj 100%** apabila membayar tunggakan hutang letak kereta. Tawaran ini hanya terhad sehingga bulan Mei 2017 sahaja.

KUPON LETAK KERETA HARIAN

1. Kupon Harian RM4.50 adalah untuk pengguna yang meletak kenderaan **sepanjang hari.**
2. Kupon ini **hanya boleh digunakan di petak letak kereta warna kuning sahaja.**
3. Kupon ini **boleh digunakan untuk kenderaan yang berlainan.**
4. Penggunaan kupon ini akan **menjimatkan pengguna sebanyak RM0.50 sehari.**

KUPON LETAK KERETA BULANAN

1. Kupon Letak Kereta Bulanan RM80.00 **hanya boleh digunakan di petak letak kereta warna kuning sahaja.**
2. Kupon ini adalah untuk pengguna yang meletak kenderaan **secara tetap** sepanjang hari.
3. Kupon ini boleh dibeli pada **bila-bila masa sahaja** di Pusat Perkhidmatan Kaunter Setempat, Wisma Warisan, Majlis Perbandaran Sandakan.
4. Kupon ini **boleh digunakan untuk kenderaan yang berlainan.** Pengguna boleh mendaftar sehingga tiga (3) buah kenderaan.
5. Jika menggunakan kupon ini untuk meletak kereta sepanjang hari/bulan, kos caj letak kereta adalah **lebih kurang RM0.32/jam sahaja.**
6. Boleh digunakan untuk meletak kenderaan **di Menara MPS** (Aras Lima dan ke atas sahaja).

| | CIRI-CIRI BUKU KUPON LETAK KERETA | KUPON LETAK KERETA BULANAN |
|---|--|---|
|  | <p>HARGA KUPON / BUKU</p> <p>BILANGAN KUPON / BUKU</p> <p>JENIS TEMPAT LETAK KERETA</p> <p>KADAR CAJ LETAK KERETA</p> <p>WAKTU OPERASI</p> |  |